

07 MAY 1997

BN-pilihan raya

BN KUALA SELANGOR TUBUH 15 JAWATANKUASA PILIHAN RAYA

KUALA SELANGOR, 7 Mei (Bernama) -- Jentera Barisan Nasional Kuala Selangor telah menubuhkan 15 jawatankuasa menjelang pilihan raya kecil kawasan Parlimen Kuala Selangor dan Dewan Undangan Negeri Selangor kawasan Permatang bagi menjamin kejayaannya.

Bakal Menteri Besar Selangor Datuk Abu Hassan Omar yang juga calon BN bagi kerusi Permatang berkata mesyuarat pada Sabtu lepas juga telah menyenaraikan ketua yang akan ditempatkan di semua 45 pusat pengundian pada hari pengundian nanti.

Beliau berkata BN juga akan mengadakan program kawasan "anak angkat" yang menghendaki cawangan-cawangan UMNO berkempen di beberapa kawasan tertentu yang dijadikan sebagai kawasan anak angkat.

Abu Hassan yang dulunya Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna, telah dinamakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Menteri Besar baru Selangor menggantikan Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib yang meletak jawatan.

Beliau bagaimanapun perlu memenangi kerusi Dewan Undangan Negeri itu sebelum dilantik Menteri Besar. Kerusi Parlimen Kuala Selangor yang diwakilinya sebelum ini akan ditandingi oleh bekas wakil rakyat Permatang Datuk Jamaluddin Adnan.

Suruhanjaya Pilihanraya hari ini menetapkan 20 Mei ini sebagai hari penamaan calon dan 29 Mei sebagai tarikh mengundi untuk kedua-dua kerusi.

Abu Hassan juga mengucapkan terima kasih Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat yang menganggap beliau sebagai calon yang bersih.

Katanya Nik Aziz telah lama mengenali beliau kerana mereka sering bertemu di Parlimen. -- BERNAMA

AZH MAI